



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**

Aras 3 & 4, Menara SSM Ipoh Perak,
Jalan Basco Keping 1,
Basco Avenue@Keping,
31400 Ipoh, Perak.

No Tel : +605 - 246 2100
Laman Web : <http://perak.anm.gov.my>

No Ruj : JANM.PRK.600-2/6/2 (22)

Tarikh : 6 Januari 2026

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab
YBhg, Datuk/ Dato' / Datin/YBrs Dr. /Tuan /Puan;**

**LAPORAN PERAKAUNAN ASET BUKAN KEWANGAN BAGI SUKUAN
KEEMPAT (4) TAHUN 2025**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas

2. Berdasarkan SPANM Bil 3 Tahun 2022 di para 2.1.4 dan 3.2 adalah menjadi tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ) iaitu Laporan Baki Aset (LBA) disemak dengan terperinci dan verifikasi keberadaan aset dilaksanakan dengan tepat berserta dokumen sokongan lengkap.

3. Pihak PTJ dipohon untuk mematuhi tarikh-tarikh yang ditetapkan di dalam menyediakan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan Bagi Sukuan Keempat (4) Tahun 2025 seperti berikut :

Bil	Tarikh	Tindakan
1	9.1.2026 – 13.1.2026	Pihak PTJ bertanggungjawab menjana laporan Baki Aset melalui iGFMS
2	Sebelum atau pada 30 Januari 2026	Pihak PTJ mengemukakan laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan Bagi Sukuan Keempat (4) Tahun 2025 yang telah disahkan dan bertandatangan Ketua Jabatan bersama dengan salinan secara "soft Copy" di alamat email aset_prk@anm.gov.my .

4. Diingatkan juga semua tindakan pelarasan dan pembetulan yang dikenal pasti pada verifikasi sukuan ketiga **hendaklah diselesaikan dengan segera** dan tidak berulang pada verifikasi Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan Bagi Sukuan Pertama (1) Tahun 2026 .

5. Bersama-sama ini disertakan **Template Verifikasi Aset (TVA)** yang baharu , **Tatacara Penyelenggaraan Laporan Aset Bukan Kewangan yang terkini dan Video Taklimat Penyediaan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan** bagi tujuan verifikasi ini. Sila klik pautan seperti di bawah untuk capaian maklumat yang diperlukan.

https://drive.google.com/drive/folders/1PtxvBQJVOPWtJyN5Zt26IJGBRINfsxaN?usp=drive_link

6. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Unit Pegurusan Aset (UPA) JANM Perak di aset_prk@anm.gov.my. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(RUHEILA AFZAN BINTI MUSA C.A.(M), CPA (Aust))

Timbalan Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Negeri Perak